

Masyarakat luar bandar perlu peka penjagaan kesihatan: PM

BH
-16/2/2020
m/s: 2

Langkawi: Program IJN-Media Prima Medical Outreach (MPMO) dilihat berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat luar bandar mengenai penjagaan kesihatan yang lebih sempurna.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata masyarakat luar bandar ada kalanya tidak mengetahui mereka menghidap penyakit seperti diabetes atau masalah jantung sebelum keadaan menjadi lebih serius.

Sehubungan itu, katanya, penekanan ke atas kesedaran kesihatan, termasuk mengetahui keadaan diri sendiri perlu bagi mengelak sebarang penyakit kritikal dalam jangka panjang.

“Masyarakat luar bandar kadang-kadang hanya tahu ada penyakit ketika mengalami kemalangan dan dirawat di hospital, disebabkan itu pemeriksaan kesihatan menjadi perkara penting. Lebih penting masyarakat luar bandar mesti faham tahap kesihatan mereka sebelum keadaan menjadi serius.

“Disebabkan itu, program seperti ini amat berkesan bagi membantu mereka,” katanya pada sidang media selepas menghadiri program Media Prima Medical Outreach di Masjid Nurul Islam, Kampung Sungai Itau, di sini semalam.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mo-

hammad Ali; Pengerusi Kumpulan Media Prima Berhad (MPB), Datuk Syed Hussian Aljunid; Pengarah Urusan MPB, Datuk Kamal Khalid dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Jantung Negara (IJN), Datuk Dr Aizai Azan Abdul Rahim.

Lebih 500 penduduk menghadiri program berkenaan yang mendapat kerjasama IJN, Langkawi Power Youth Club dan 65 sukarelawan mewakili Briged Sukarelawan Media Prima-The New Straits Times Press (NSTP).

Dr Mahathir berkata, masyarakat luar bandar juga perlu mengambil peluang menyertai program berkaitan kesihatan bagi meningkatkan kesedaran.

“Program ini boleh membuatkan masyarakat luar bandar faham bahawa tidak perlu menunggu sehingga sakit untuk mendapat rawatan dan menentukan sama ada menghidap penyakit atau tidak. Pada masa hadapan, tahap kesihatan masyarakat luar bandar boleh menyamai penduduk bandar jika kefahaman ini dicapai,” katanya.

Terdahulu, ketibaan Perdana Menteri pada jam 9.30 pagi dengan memandu sendiri kenderaan Proton X70 yang turut dinaiki Dr Siti Hasmah, disambut Syed Hussian dan Dr Aizai Azan.

Dr Mahathir turut meluangkan



Dr Mahathir bersama Dr Siti Hasmah diiringi Syed Hussian (kanan) ketika meninjau kaunter pemeriksaan kesihatan pada program Media Prima Medical Outreach di Masjid Nurul Islam Kampung Sungai Itau, Langkawi, semalam. (Foto Hamzah Osman/BH)

masa kira-kira 45 minit mendengar penerangan dan meninjau kakitangan IJN membuat pemeriksaan kesihatan jantung ke atas pengunjung.

Sementara itu, Syed Hussian berkata, dua lokasi dipilih bagi program CSR di Langkawi, iaitu Dewan Persatuan Pendidikan Akhlak Chee Boon Kor di Kuah dan Masjid Nurul Islam Kampung Sungai Itau.

“Kita juga anjur program pembersihan pantai di Pulau Besar Basah semalam (kelmarin) yang membabitkan 65 sukarelawan sebagai sebahagian lagi CSR di Langkawi kali ini. Program MPMO kali agak istimewa kerana kita turut membawa pakar pediatrik dan bas IJN dilengkapi mesin elektrokardiogram (ECG) untuk pemeriksaan,” katanya.



Penduduk setempat membawa anak kecil membuat pemeriksaan kesihatan pada program IJN-Media Prima Medical Outreach.